

03 JUN 1996
IT-Selangor (Bergambar)
SHAH ALAM DIPILIH JADI PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Kerajaan Negeri Selangor bersetuju membangunkan Shah Alam sebagai pusat teknologi maklumat (IT) bagi menyediakan tempat yang sesuai untuk pembangunan industri-industri IT tempatan dan luar negeri.

Ini akan mempercepatkan pembentukan masyarakat yang kaya maklumat, kata Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib hari ini. Shah Alam mempunyai 600,000 penduduk.

Kerajaan negeri juga bersedia bekerjasama dengan semua pihak berkenaan, dalam cara saintifik dan futuristik, bagi memastikan semua objektif menjadikan Malaysia pusat maklumat di rantau ini dicapai dengan berkesan, katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan video dengan Gabenor Wilayah Gifu di Jepun, Taku Kajiwara dan rakyat Wilayah itu, di Telekom Malaysia, Jalan Raja Chulan, di sini bersempena pembukaan Softopia Japan, pangkalan penyelidikan dan pembangunan perisian di Wilayah Gifu.

Muhammad berkata kerajaan negeri juga telah memulakan perancangan untuk memperluaskan rangkaian teknologi maklumat di seluruh negeri, dan ini akan dilaksanakan dalam kawasan koridor raya multimedia.

"Kerajaan negeri juga menyokong hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan koridor maklumat multimedia antara KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa KL) dan Kuala Lumpur. Kami akan memberi kerjasama sepenunnya bagi memastikan kejayaan aspirasi ini," katanya.

Muhammad berkata kerajaan negeri mempelawa pihak berkenaan di Jepun yang berminat untuk membantu memperkukuhkan infrastruktur IT di Selangor.

"Kami bersedia mengkaji sebarang cadangan membangunkan industri teknologi maklumat di negeri ini yang kini dikendalikan oleh Pusat Rangkaian Komputer dan Maklumat Negeri.

"Kami juga ingin mempelawa mereka, yang berminat mewujudkan bandar berkembar atau perbandaran kembar, dalam bidang IT dalam kawasan negeri ini," katanya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, yang turut menghadiri persidangan video itu, pula berkata kerajaan Malaysia mengiktiraf peranan penting bidang maklumat dan memasukkan IT dalam program-program pembangunan ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7).

"Sehubungan itu, komitmen kerajaan adalah untuk meningkatkan infrastruktur telekomunikasi dan IT, yang akan membuka jalan ke arah penwujudan masyarakat Malaysia yang berpengetahuan dan kaya maklumat," katanya.

Moggie berkata pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka menjadi pemangkin bagi pembangunan industri IT negara.

MSC terletak di kawasan seluas 600 kilometer persegi daripada Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke KLIA melalui Putrajaya yang dicadangkan menjadi pusat pentadbiran kerajaan.

Kerajaan akan melengkapkan KLIA dan Putrajaya dengan teknologi dan infrastruktur komunikasi dan IT yang canggih manakala sektor swasta diharap memainkan peranan penting dalam menyediakan barangan dan perkhidmatan IT bernilai tinggi, katanya.

"Dengan penubuhan MSC, kami ingin mempelawa industri-industri multimedia untuk menimbang menjadikan koridor ini sebagai lokasi yang baik untuk operasi mereka," katanya sambil menambah Malaysia mengharapkan penyertaan Jepun dalam industri teknologi Jepun dalam MSC negara.

Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohamed Said Mohamed Ali berkata sebagai syarikat telekomunikasi terbesar, Telekom Malaysia sedang bersedia ke arah menyediakan teknologi multimedia dengan menyepadukan eko-teknologi sebagai menyokong penwujudan masyarakat multimedia Malaysia.

Beliau berkata peranan utama Telekom Malaysia ialah untuk membina persekitaran bertaraf dunia dalam bidang infrastruktur telekomunikasi, penyampaian teknologi multimedia dan pendekatan penyelesaian bersepadu dalam memenuhi keperluan pelanggan tempatan dan luar negeri.

Yang turut menyertai persidangan video itu ialah bekas naib canselor Universiti Teknologi Malaysia dan pengerusi Kumpulan Penyelidik Eko-Media Bandaraya, Datuk Prof Muhammad Ridzuan Salleh; naib canselor Universiti Pertanian Malaysia Datuk Prof Syed Jalaludin; dan pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM, Prof Mohd Nordin Haji Hasan. --

BERNAMA

ZAB NAK